

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Sukan)

Hari/Tarikh: 13/6/2016

Muka surat: 20

Tajuk : SUKMA: MSNS lawat kemudahan perkampungan sukan di UNIMAS

## SUKMA: MSNS lawat kemudahan perkampungan sukan di UNIMAS

**KUCHING:** Majlis Sukan Negeri Sarawak (MSNS) melawat kemudahan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang akan digunakan sebagai Perkampungan Sukan untuk Kontinjen Sarawak semasa Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-18 pada 22 hingga 31 Julai depan.

Dalam lawatan kumpulan yang terdiri daripada 14 pegawai itu turut diiringi Ketua Pegawai Sukan UNIMAS,

Zamberi Baizuri.

Para pegawai dari MSNS ditunjukkan dengan kemudahan yang akan menempatkan atlet Sarawak serta petugas MSNS yang terlibat dalam SUKMA Ke-18.

Lawatan itu melibatkan tinjauan kemudahan asrama, bilik operasi untuk sekretariat serta klinik bantuan pertama.

Selain itu, mereka juga dibawa melawat dewan

utama yang akan digunakan untuk perasmian kem kontinjen.

Atlet-alet akan mula bergerak ke Perkampungan Sukan dari 14 Julai dan acara bola sepak antara paling awal iaitu pada 15 Julai.

Difahamkan, semua atlet termasuk tenpin boling, gimnastik berirama, wushu, skuasy dan golf akan tinggal di perkampungan sukan kecuali petanque.